Pendakwa Raya lwn Lim Fong To

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — PERBICARAAN JENAYAH NO MT(3) 45–13 TAHUN 2008
ZAWAWI SALLEH H
5 MAY 2010

Keterangan — Ekshibit — Kebolehterimaan — Dokumen dikemukakan semasa perbicaran dan ditandakan sebagai ekshibit — Sama ada kegagalan mengemukakan laporan kimia dan keterangan kawad cam menafikan tertuduh bicara yang adil

Keterangan — Percanggahan testimoni — Pendekatan yang patut diambil — Kesahihan keterangan — Sama ada percanggahan memudaratkan kes pihak pendakwaan

Pendakwaan mengemukakan pertuduhan terhadap Lim Fong To (tertuduh) membunuh Eng Leng Khoo (si mati). Tertuduh didakwa di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('Kanun'). Keterangan pendakwaan menyatakan bahawa si mati bersama-sama dua rakan SP1 dan SP3 bertujuan ingin mengadakan temujanji dengan tertuduh bagi menyelesaikan perselisihan faham antara tertuduh dengan SP2. SP1 dan SP3 menyatakan, antara lain, bahawa; (i) si mati telah menumbuk dan menendang tertuduh apabila tertuduh berjumpa dengan si mati; dan (ii) tertuduh mengeluarkan pisau dari belakang bajunya dan menetak di kepala dan belakang si mati. SP1 dan SP3 menyatakan mereka melarikan diri apabila antara tujuh atau lapan orang bersenjatakan batang besi dan pisau tiba di tempat kejadian. Apabila SP1 dan SP3 kembali ke tempat kejadian mereka mendapati si mati terbaring di atas lantai dan mereka membawa si mati ke hospital dan SP3 seterusnya membuat laporan polis berhubung dengan pembunuhan tersebut. Pakar patologi mengesahkan bahawa luka yang dialami pada bahagian muka si mati telah menyebabkan kematiannya. Inferens dibuat bahawa tertuduh mempunyai niat untuk mendatangkan bencana tubuh yang berkemungkinan menyebabkan kematian apabila tertuduh menetak si mati dibahagian kepala menggunakan sebilah pisau. Tertuduh menyerahkan diri dan berpandukan keterangan SP1 dan SP3 terhadap tertuduh, kes prima facie terhadap tertuduh terbukti bagi kesalahan membunuh di bawah s 302 Kanun dan dia diperintah membela diri atas pertuduhan tersebut. Dia dinyatakan mempunyai niat atau pengetahuan mengikut undang-undang bagi melakukan kesalahan membunuh. Tertuduh dalam keterangan atas sumpah menyatakan, antara lain, bahawa (i) tertuduh bersama-sama seorang bernama Richard dan Ah Chong telah ke tempat perjumpaan dengan si mati dan Richard, yang dinyatakan mempunyai

kemahiran dalam perundingan; (ii) seketika tertuduh ditumbuk dan ditendang si mati sehingga jatuh ke lantai, Richard menghampiri si mati dan menyerang si mati dengan sebilah pisau; (iii) tertuduh melarikan diri daripada tempat kejadian dan kemudian menyerah diri kepada polis; (iv) tertuduh menyatakan kepada pegawai penyiasat (SP8) bahawa beliau adalah mangsa dan mengalami luka tikaman di kepala.

Diputuskan membenarkan permohonan tertuduh:

(1) Pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan dan dalam keadaan yang wujud dalam kes tersebut, adalah tidak selamat mensabitkan tertuduh dalam pertuduhan yang dihadapkan terhadapnya (lihat perenggan 30).

(2) Keterangan tertuduh yang menyatakan bahawa tidak terdapat tujuh atau lapan orang yang bersenjatakan batang besi di tempat kejadian adalah lebih hampir kepada kebenaran selepas menimbang keterangan tersebut bersama-sama dengan keterangan ahli patologi. (lihat perenggan 30(d)(i))

(3) Laporan polis SP3 dalam laporan polis yang disahkan betul oleh SP3 berbeza dengan keterangan lisan SP3 di mahkamah di mana dalam laporan polis SP3 menyatakan parang telah digunakan, sedangkan dalam keterangan mahkamah, SP3 menyatakan pisau digunakan sebagai senjata membunuh si mati. Tertuduh juga menyatakan Richard menggunakan sebilah pisau. Keterangan pakar patalogi menyokong keterangan tertuduh bahawa pisau adalah senjata yang digunakan untuk menetak si mati. Justeru, percanggahan tentang bentuk senjata yang dikatakan digunakan oleh tertuduh bagi menetak si mati merupakan satu percanggahan penting yang memudaratkan kes pihak pendakwaan. *Lee Ah Seng & Anor v Public Prosecutor* [2007] 6 MLJ 1 (perenggan 30(e)(ii))

(4) Walaupun penyiasat telah mengambil sampel darah dari tempat kejadian dan dihantarkan ke Jabatan Kimia, kegagalan mengemukakan laporan kimia dan juga keterangan kawad cam di mahkamah menafikan tertuduh suatu bicara yang adil. *Dato' Haji Azman bin Mahalan v Public Prosecutor* [2007] 4 MLJ 142 (lihat perenggan 30(g)(i)–(iii))

[English summary

The prosecution presented the charge against Lim Fong To ('the accused') for the murder of Eng Leng Khoo ('deceased'). Th accused was charged under s 302 of the Penal Code ('the Code'). The prosecution's evidence showed that the deceased together with two friends, SP1 and SP3, purported to meet with the accused to solve the misunderstanding between the accused and SP2. SP1 and SP3 stated, inter alia, that (i) the deceased had punched and kicked the accused when the accused met the deceased; and (ii) the accused took out a knife from the back of his shirt and slashed the deceased on his head and back.

SP1 and SP3 stated that they ran away when there were about seven or eight people armed with iron rod and knife arrived at the scene. When SP1 and SP3 came back to the scene they found the deceased was lying on the floor and they brought the deceased to the hospital and SP3 made a police report with regards to the murder. The pathologist confirmed that the injuries sustained on the face of the deceased had caused his death. The inference was made that the accused had the intention to cause bodily injuries which could possibly cause the death when the accused slashed the deceased on his head using a knife. The accused surrendered himself and based on the testimony by SP1 and SP3 against the accused, a prima facie case against the accused had been proved for the offence of murder under s 302 of the Code and he was directed to enter his defence on the charge. He was said to have the intention and knowledge according to law to commit the offence of murder. The accused in his evidence on oath stated, inter alia, that (i) the accused together with one Richard and Ah Chong had gone to the meeting place with the deceased and Richard, who were said to be expert in consultation; (ii) whilst the accused was being punched and kicked by the deceased causing him to fall on the floor, Richard came close to the deceased and attacked the deceased with a knife; (iii) the accused fled from the scene and subsequently surrendered himself to the police; (iv) the accused told the investigation officer (SP8) that he was the victim and had suffered slash wounds on his head.

Held, allowing the accused's application:

(1) The defence had successfully raised reasonable doubt against the prosecution's case and in the circumstances that existed in the case, it was not save to convict the accused in the charge against him (see para 30).

(2) The testimony of the accused that there were seven or eight people armed with iron rod at the scene was more probable upon considering the evidence together with the testimony of the pathologist (see para 30(d)(i)).

(3) SP3's police report which was confirmed to be correct by SP3 was different from SP3's oral evidence in court wherein SP3's police report stated that a machete had been used, whereas in the evidence in court, SP3 stated that a knife had been used as the weapon to kill the deeased. The accused also said that Richard used a knife. The evidence by the pathologist supported the evidence of the accused that the knife was the weapon used to slash the deceased. Hence, the contradiction about the weapon said to have been used by the accused to slash the deceased was a material contradictions which was prejudicial to the prosecution's case. *Lee Ah Seng & Anor v Public Prosecutor* [2007] 6 MLJ 1 (see para 30(e)(ii).

(4) Although the investigation officer had taken the blood sample from the scene and sent it to the Chemistry Department, the failure to produce the chemist report and also the evidence of the identification parade in the

court denied the accused a fair trial. *Dato' Haji Azman bin Mahalan v Public Prosecutor* [2007] 4 MLJ 142 (see paras 30(g)(i)–(iii).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai kebolehterimaan, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 1624.

Untuk kes-kes mengenai pendekatan yang patut diambil, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 1004–1010.

Kes-kes yang dirujuk

Aziz Mat Shah v PP [2004] 4 MLJ 127; [2010] 4 CLJ 305, MT (dirujuk)
Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301, MP (dirujuk)
Ismail bin UK Abdul Rahman v PP [1974] 2 MLJ 180 (dirujuk)
Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734, MR (dirujuk)
Mat v PP [1963] 1 LNS 82; [1963] MLJ 263, (dirujuk)
PP v Visuvanathan [1978] 1 MLJ 159 (dirujuk)
PP v Abdul Razak bin Dalek [2007] 2 MLJ 255; [2006] 4 CLJ 129, MP (dirujuk)
PP v Chong Chai [2006] 3 MLJ 612; [2006] 6 CLJ 39, MT (dirujuk)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393, MP (dirujuk)
Tham Kai Yau & Ors v PP [1977] 1 MLJ 174; [1976] 1 LNS 159, MP (dirujuk)
Woolmington v DPP [1935] AC 462 (dirujuk)
Yeap Boon Hai v PP [2010] 2 MLJ 433; [2010] 2 CLJ 338, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan ss 300, 302

Mohd Amril bin Johari (Timbalan Pendakwa Raya, Penasihat Undang-Undang Negeri Johor) bagi pihak pendakwaan.
Freda Sabapathy (Freda Sabapathy & Co) bagi pihak tertuduh.

Zawawi Salleh H:

PENDAHULUAN

[1] Lim Fong To ('tertuduh') telah dihadapkan dengan satu pertuduhan membunuh yang boleh dihukum di bawah s 302 Kanun Keseksaan. Di akhir kes pembelaan, mahkamah telah melepaskan dan membebaskan tertuduh.

[2] Pendakwaraya Malaysia tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut dan merayu kepada Mahkamah Rayuan.

PERTUDUHAN

[3] Pertuduhan yang dikemukakan terhadap tertuduh ialah seperti yang berikut:

> Bahawa kamu pada 20.6.2007 jam lebih kurang 2.40 petang, di hadapan Restoran Keat Yi, di alamat No. 83, Jalan Sri Skudai, Taman Sri Skudai, Skudai, di dalam Daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor Darul Ta'zim, telah melakukan kesalahan membunuh dengan menyebabkan kematian ke atas Eng Leng Khoo (No. K/P: 751207-14-5555), dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.

KES PIHAK PENDAKWAAN

[4] Keterangan kes pihak pendakwaan bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(a) pada 20 Jun 2007, jam lebih kurang 2.40 petang, Chong Chee Meng ('SP1') bersama-sama dengan kawan-kawannya yang bernama Cham Kok Wee ('SP3') dan Eng Leng Khoo ('si mati') telah pergi ke Keat Yi Restaurant. Mereka pergi ke restoran tersebut untuk berjumpa dengan si mati untuk menyelesaikan selisih faham mengenai pembayaran kerja-kerja ubahsuai sebuah rumah yang dilakukan oleh Wong Seng Fat ('SP2');

(b) si mati dan tertuduh telah mengadakan perbincangan tetapi masing-masing tidak berpuas hati terhadap satu sama lain. Mengikut SP1 dan SP3, si mati telah menumbuk tertuduh di bahagian muka dan kepala. Si mati juga dilihat telah menendang tertuduh beberapa kali. Tertuduh terjatuh ke atas simen restoran. Selepas itu, tertuduh telah mengeluarkan sebilah pisau dari pinggang iaitu dari bahagian belakang bajunya dan menetak si mati di bahagian kepala dan belakang;

(c) selepas itu, seramai tujuh atau lapan orang yang bersenjatakan batang besi dan pisau datang ke tempat kejadian dari kedai yang bertentangan. Melihat keadaan tersebut, SP1 dan SP3 telah melarikan diri menuju ke sebuah kereta. Apabila berada di dalam kereta, SP1 menyuruh isterinya memandu kereta itu ke tempat kejadian untuk melihat apa yang berlaku. SP1 melihat si mati terbaring di atas simen restoran dan berdarah. Tertuduh sudah tidak berada di situ lagi. SP1 dan SP3 telah mengangkat si mati ke dalam kereta dan menghantarkannya ke Bahagian Kecemasan, Hospital Pakar Kempas. Pada masa itu, si mati sudah tidak sedar diri. Walau bagaimanapun, doktor di Hospital Pakar Kempas telah meminta

supaya si mati dihantar ke Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru. Sebuah ambulans telah menghantar si mati ke Hospital Sultanah Aminah;

(d) mengikut keterangan pakar patologi, Dr Aznool Haidy bin Ahsorori ('SP7'), sebab kematian si mati ialah 'multiple stab wounds to the head'. Pakar patologi berpendapat bahawa luka yang dialami pada badan si mati adalah disebabkan oleh suatu senjata tajam, runcing dan pipih seperti pisau atau sebarang objek yang menyerupainya. Kecederaan yang 'fatal' mengikut SP7 ialah sepertimana yang dinyatakan di ms 3 perenggan 3 laporan bedah siasat ('eksh P10'). SP7 selanjutnya menyatakan bahawa terdapat 'linear stabbed wound 3 x 0.1cm with 3 stitches located on the outer cornea of left eye. It was severing the facial muscles, partly inner part of left eye, fracturing onto the left orbital roof (left anterior cranial fosse) and severing 2.5 cm deep ventral aspect of left temporal lobe. The depth was 7 cm. This injury was fatal in nature'. Kecederaan-kecederaan lain yang dialami turut juga menyumbang kepada kematian si mati; dan

(e) siasatan kes telah dijalankan oleh ASP Tan Seng Lee ('SP8'). Mengikut SP8, tertuduh telah datang ke IPD Johor Bahru Utara untuk menyerahkan diri pada 30 Julai 2007, jam lebih kurang 2.30 petang bersama peguamnya, Datin Freda Sabapathy. SP8 seterusnya menyatakan bahawa berdasarkan siasatan yang beliau telah jalankan, terdapat 2 orang saksi yang melihat si mati ditikam oleh tertuduh iaitu SP1 dan SP3 dengan menggunakan pisau.

KEPUTUSAN DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[5] Ujian yang perlu dipakai bagi menentukan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie telah dinyatakan, antara lain, oleh kes-kes *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734; *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301 dan *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393. Ujian tersebut ialah seperti berikut:

> If the court, upon a maximum evaluation of the evidence placed before it at the close of the prosecution case, comes to the conclusion that prima facie case has not been made out, it should acquit the accused. If, on the other hand, the court after conducting a maximum evaluation of the evidence comes to the conclusion that a prima facie case has been made out, it must call for the defence. If the accused then elects to remain silent, the court must proceed to convicts him.

[6] Adalah menjadi undang-undang yang mantap bahawa untuk membuktikan suatu kes prima facie terhadap tertuduh bagi kesalahan

membunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan, pihak pendakwaan perlu membuktikan elemen-elemen berikut:

(a) berlaku kematian ke atas si mati iaitu Eng Leng Khoo;

(b) kematian si mati disebabkan oleh kecederaan atau kecederaan-kecederaan yang diakibatkan ke atas si mati;

(c) tertuduh yang menyebabkan kecederaan atau kecederaan-kecederaan tersebut sehingga membawa kepada kematian si mati; dan

(d) bahawa perbuatan tertuduh yang menyebabkan kematian si mati dilakukan, sama ada:

(i) perbuatan tertuduh yang menyebabkan kematian si mati itu dilakukan dengan niat untuk mendatangkan satu kematian; atau

(ii) perbuatan tertuduh itu dilakukan dengan niat untuk mendatangkan sesuatu bencana tubuh yang tertuduh ketahui berkemungkinan akan menyebabkan kematian kepada si mati; atau

(iii) perbuatan tertuduh itu dilakukan dengan niat untuk menyebabkan bencana tubuh kepada si mati, dan bencana tubuh yang diniatkan itu adalah cukup, pada lazimnya, bagi menyebabkan kematian; atau

(iv) tertuduh melakukan perbuatan itu dengan pengetahuan bahawa perbuatan itu adalah satu perbuatan yang sangat berbahaya sehingga mungkin boleh menyebabkan kematian atau menyebabkan bencana tubuh yang mungkin membawa kepada kematian, dan tertuduh melakukan perbuatan itu dengan tanpa apa-apa sebab bagi mendatangkan bahaya yang menyebabkan kematian atau bencana tubuh seperti yang disebutkan.

Elemen (a): berlaku kematian si mati

[7] Mayat telah dicamkan di bilik bedah siasat Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru oleh pegawai penyiasat ('SP8') dan isteri si mati. Saksi-saksi lain juga telah mengecam gambar bedah siasat si mati sebagai rakan mereka yang bernama Eng Leng Khoo. Oleh itu, identiti si mati tidak dapat dipertikaikan.

Elemen (ii): kematian si mati disebabkan oleh kecederaan-kecederaan yang dialaminya

[8] Pakar patologi ('SP4') menyatakan bahawa beliau telah menjalankan bedah siasat ke atas jasad si mati di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru

pada 21 Jun 2007, mulai jam 2.15 petang. SP7 telah menyediakan laporan pemeriksaan bedah siasat (eksh P10) hasil daripada pemeriksaan yang beliau telah jalankan ke atas mayat si mati.

[9] Hasil pemeriksaan luaran ('external examination') menunjukkan kecederaan-kecederaan yang dialami oleh si mati ialah seperti berikut:

MARK OF INJURY

(1) An inverted 'L-shaped' incised stabbed wound measuring 7.5 x 0.1 cm on one arm and 2 x 0.1 cm on the other arm which was located on the right half of the face. There were 4 stitches in situ. It was severing the right half of the facial muscles and severing the right maxillary bone. It was 5 cm deep.

(2) Incised stabbed wound 'L-like shaped' wound measuring 6.5 x 0.1 cm on one arm and 1.8 x 0.1 cm on the other arm which was located on the front aspect near to the left ear. There were 3 stitches in situ. It was severing facial muscles with intact facial bones underneath. It was 2 cm deep.

(3) Linear stabbed wound 3 x 0.1 cm with 3 stitches located on the outer corner of left eye. It was severing the facial muscles, partly inner part of left eye, fracturing onto the left orbital roof (left anterior cranial fossa) and severing 2.5 cam deep ventral aspect of left. temporal lobe. The depth was 7 cm. This injury was fatal in nature.

(4) Incised wound 11 x 0.2 cm with 9 stitches located on the right temple. No bony involvement beneath the injury. It was severing scalp. The soft tissue depth was 2.5 cm.

(5) Scratch abrasion or superficial incision 12 x 0.1 cm located on the left jaw extending to the left ear.

(6) Abrasive bruise 1 x 1 cm on the left half of forehead.

(7) Haematoma 2 x 1 cm on the inner lower aspect of right eyelid. There was also haematome 5 x 4 cm on the left eye.

(8) Abrasive bruise 3 x 2 cm on the right palm.

(9) Superficial incised wound 0.5 x 0/5 cm on the right palm.

(10) Abrasions 2 x 2 cm and 2 x 1 cm on the right and left elbows respectively.

(11) Bruise 1 x 1 cm on the 5th finger of right hand with closed fracture at the proximal interphalengeal joint.

[10] Pemeriksaan dalaman pula menunjukkan penemuan seperti berikut:

INTERNAL EXAMINATION HEAD

Scalp	There was scalp contusion on the right temple which was in keeping with the injury stated in no. 4 in the 'Mark of Injury'.

Skull	There was a stabbed fracture on the roof of the left orbital (left anterior cranial fossa). No other skull fracture.
Meninges	There were minimal subarachnoid haemorrhage on the right parietal lobe and both ventral portion of frontal lobes. Minimal subdural haematoma and intraventricular haemorrhage were seen. The left frontal lobe was severed measuring 3 x 0.2 cm and 2.5 cm deep.
Brain	the brain weighed 1500 gm. There was no intra-cerebral haemorrhage or space occupying lesion. The circle of Willis and cerebral vessels showed healthy. It showed cerebral oedema.

[11] Berdasarkan pemeriksaan yang dibuat, SP7 telah membuat ringkasan dan kesimpulan seperti berikut:

SUMMARY AND CONCLUSIONS

(1) The body was that of an adult Chinese male positively identified by his wife as the above named person.

(2) There was no significant underlying natural disease. found on her body that could have caused or contributed to her death at that particular moment in time.

(3) There were multiple stabbed wounds to the face and head. Few other injuries were incised, in nature. One of the stabbed (injury no. 3 in the 'Mark of Injury') was severing the facial muscles, left eyeball roof of left orbital and left frontal lobe. In my opinion, this injury was a fatal in nature.

These injuries were in keeping pattern with that due to sharp object such as knife or whichever object that caused the similar pattern.

(4) There was no mark of defensive or struggle wound.

(5) Those injuries as mentioned earlier were NOT consistent with pattern due to Self-Inflicated Injury.

(6) Those findings were consistent with that death due to sharp object to the head.

In my opinion, the patterns were in keeping with homicide.

[12] Berdasarkan kepada keterangan lisan SP7 di mahkamah dan melalui laporan pemeriksaan bedah siasat (eksh P10) yang dikemukakan, mahkamah berpuas hati bahawa si mati menemui ajalnya akibat daripada kecederaan-kecederaan yang dialami oleh beliau dan kecederaan-kecederaan tersebut bukannya dilakukan sendiri oleh si mati ('self-inflicted injury'). Dalam hal sedemikian, elemen (ii) pertuduhan telah terbukti.

Elemen (iii): tertuduh yang menyebabkan kematian si mati

[13] Keterangan SP1 dan SP3 menunjukkan bahawa tertuduh telah menetak si mati di bahagian kepalanya dengan menggunakan sebilah pisau. Pisau tersebut telah dilihat oleh saksi-saksi pendakwaan dikeluarkan oleh Tertuduh dari pinggang bahagian belakang baju beliau. SP7 mengesahkan bahawa luka tikaman berbentuk lurus dan kecederaan yang fatal adalah di bahagian otak, muka, sebahagian daripada bola mata kiri yang kemudiannya memecahkan pelipis tulang soket mata. Ia seterusnya menembusi bahagian dalam rongga tengkorak iaitu 'left anterior cranial fossa' dan mencederakan serta mengoyakkan bahagian hadapan kiri otak. Kecederaan-kecederaan ini adalah disebabkan oleh sesuatu objek yang tajam, runcing atau pipih seperti pisau.

[14] Berdasarkan keterangan SP1 dan SP3 serta laporan pemeriksaan bedah siasat SP4, terdapat keterangan yang menunjukkan bahawa tertuduh adalah orang yang menyebabkan kecederaan-kecederaan terhadap si mati yang menyebabkan kematiannya. Oleh itu, mahkamah memutuskan bahawa kematian si mati adalah disebabkan oleh perbuatan tertuduh.

[15] Pada peringkat ini, mahkamah mendapati keterangan SP1 dan SP3 adalah konsisten dalam aspek-aspek yang berikut:

(a) SP1 dan SP3 telah pergi ke Keat Yi Restaurant;

(b) tertuduh sampai ke restoran itu 5 minit kemudian;

(c) terjadi pertengkaran antara tertuduh dan si mati;

(d) si mati menumbuk dan menendang tertuduh;

(e) tertuduh telah mengeluarkan sebilah pisau berukuran 24cm (lebih kurang 9 inci) dari pinggang iaitu dari bahagian belakang bajunya;

(f) tertuduh telah menetak si mati;

(g) SP1 dan SP3 kemudiannya telah melarikan diri ke kereta; dan

(h) SP1 dan SP3 datang kembali ke tempat kejadian dan mendapati si mati terbaring di atas jalanraya dan berdarah.

[16] Persoalan seterusnya yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan ialah sama ada tertuduh mempunyai niat atau pengetahuan mengikut undang-undang bagi melakukan kesalahan membunuh. Di dalam sesuatu kes bunuh, kelakuan tertuduh serta keadaan keseluruhan fakta persekitaran kejadian bunuh boleh dipertimbangkan oleh mahkamah bagi menentukan sama ada tertuduh mempunyai niat atau pengetahuan untuk membunuh si

mati. Low Hop Bing H (sekarang HMR) dalam kes *Public Prosecutor v Chong Chai* [2006] 3 MLJ 612; [2006] 6 CLJ 39 memutuskan seperti berikut mengenai elemen mens rea:

> (42) In my judgment, mens rea in the sense of intention or knowledge being a mental element and a question of fact is not capable of being established by way of direct evidence: Wing Commander Briggs in *In Re Eric Woodford* [1946] MLJ 19; [1946] 1 LNS 25 at p 21. It has to be gathered from indirect evidence by reference to all the facts and circumstances prevailing in each particular case. In this regard, the accused's intention of causing bodily injury to the deceased may be gathered from the accused's act in particular and the entire evidence adduced for the prosecution in general.

[17] Dalam kes *Tham Kai Yau & Ors v Public Prosecutor* [1977] 1 MLJ 174; [1976] 1 LNS 159, YM Raja Azlan Shah HMP (sebagaimana baginda ketika itu) menyatakan:

> Whether the offence is culpable homicide or murder depends upon the degree of risk to human life. If death is a likely result, it is a culpable homicide; if it is the most probable result, it is murder. Illustration (d) of s 300, Penal Code is a case of this description. Where the offender knows that the particular person injured is likely, either from peculiarity of constitution, immature age, or other special circumstances, to be killed by an injury which would not ordinarily cause death, it is murder … It is culpable homicide if the bodily injury intended to be inflicted is likely to cause death; it is murder, if such injury is sufficient in the ordinary course of nature to cause death.

[18] Dalam kes *Yeap Boon Hai v Public Prosecutor* [2010] 2 MLJ 433; [2010] 2 CLJ 338 keputusan Mahkamah Rayuan telah menjelaskan mengenai peruntukan yang sama seperti diputuskan dalam kes *Tham Kai Yau* seperti berikut:

> (42) In *Tham Kai Yau*, supra, Raja Azlan Shah FJ (now HRH the Sultan of Perak) delivered the judgment of the Federal Court and discussed in detail the distinctions between the two offences. The essential principles may be extracted as follows:
>
> (1) whether the offence is culpable homicide or murder depends upon the degree of risk to human life. If death is likely result, it is culpable homicide, if it is the most probable result, it is murder;
>
> (2) in the; last analysis, it is a question of degree of probability; and
>
> (3) all cases falling within s 300 must necessarily fall within s 299, but all cases falling within s 299 do not necessarily fall within s 300.

[19] Penjelasan yang diberikan oleh Mahkamah Persekutuan dan oleh Mahkamah Rayuan tersebut di atas menunjukkan bahawa dalam penentuan

niat seseorang, mahkamah perlu melihat kepada faktor darjah kemungkinan ('degree of probability') tentang kematian mangsa yang disebabkan oleh perbuatan tertuduh. Jika kemungkinan sesuatu perbuatan itu boleh menyebabkan kematian adalah rendah ('likely') maka tertuduh tidak berniat untuk membunuh. Sebaliknya jika kemungkinan kematian adalah tinggi ('most probable'), maka bolehlah dikatakan tertuduh sememangnya mempunyai niat untuk membunuh si mati.

[20] Begitu juga sekiranya perbuatan tertuduh adalah dengan niat untuk membunuh ataupun dengan niat untuk mendatangkan bencana tubuh yang berkemungkinan menyebabkan kematian ataupun dengan pengetahuan bahawa perbuatan tersebut mendatangkan bencana tubuh yang pada lazimnya akan menyebabkan kematian, maka tertuduh dikatakan telah melakukan perbuatan membunuh (lihat *Public Prosecutor v Abdul Razak bin Dalek* [2007] 2 MLJ 255; [2006] 4 CLJ 129; *Aziz Mat Shah v Public Prosecutor* [2004] 4 MLJ 127; [2010] 4 CLJ 305).

[21] Dalam kes semasa, mahkamah berpendapat inferens boleh dibuat bahawa tertuduh mempunyai niat untuk mendatangkan bencana tubuh yang berkemungkinan menyebabkan kematian atau pun dengan pengetahuan bahawa perbuatan tersebut mendatangkan bencana tubuh yang pada lazimnya akan menyebabkan kematian apabila tertuduh telah menetak si mati di bahagian kepalanya dengan menggunakan sebilah pisau. Tidak syak lagi perbuatan tersebut adalah dengan niat untuk menyebabkan bencana tubuh badan ke atas si mati. Ia harus dilihat bersekali dengan fakta bahawa apabila tertuduh datang berjumpa dengan si mati di restoran, tertuduh telah membawa sebilah pisau yang disisipkan di pinggang bahagian iaitu di belakang bajunya dan kemudiannya tertuduh telah menggunakan pisau tersebut untuk menetak si mati di bahagian kepala.

[22] Adalah menjadi sesuatu yang diketahui umum bahawa tikaman atau pun kecederaan di bahagian kepala adalah pada lazimnya cukup bagi menyebabkan kematian kerana di bahagian kepala ini terletak otak manusia yang merupakan organ yang sangat penting dalam sistem tubuh manusia.

[23] Timbalan pendakwaraya terpelajar berhujah bahawa ilustrasi (c) kepada s 300 Kanun Keseksaan adalah terpakai dalam kes semasa. Mahkamah bersetuju dengan hujah tersebut. Dalam kes *Public Prosecutor v Visuvanathan* [1978] 1 MLJ 159, mahkamah menyatakan di halaman 161:

> The language used by Lord diplock in the passage already cited from his judgment is perhaps unfortunate as it has given rise to submissions by counsel in recent cases that the intention that clause (c) requires must be related, not only to the body injury inflicted, but also to the clause, 'and the bodily injury intended to be inflicted is sufficient in the ordinary course of nature to cause death'. We do not think that

that was what Lord Diplock meant. Lord Diplock's speech must be read in full. Clearly, it has to be shown that the accused intended to cause bodily injury — that is subjective, but we do not think that Lord Diplock meant that the second limb of clause (c), the sufficiency to cause death, was also subjective. This is clear from other parts of his judgment, at p 158, Lord Diplock states:

to establish that an offence had been committed under s 300(c) or under s 299, it would not have been necessary for the trial judges in the instant case to enter an inquiry whether the appellant intended to cause the precise injuries which in fact resulted or had sufficient knowledge of anatomy to know that the internal injury which might result from his act would take the form of fracture of the ribs, followed by cardiac arrest. As was said by the Supreme Court of India when dealing with the identical provisions of the Indian Penal Code in *Virsa Singh v State of Punjab*, at p 467:

that is not the kind of enquiry. It is broad based and simple and based on commonsense.

It was however essential for the prosecution to prove, at very least, that the appellant did intend by sitting on the victim's chest to inflict upon her some internal, as distinct from mere superficial, injuries of temporary pain …

The dictum of Lord Diplock relied upon by counsel for the defence was factually appropriate in Mohamed Yasin's case but it is not, in our opinion, of universal application. When considered in isolation it gives a different meaning to the third limb of — s 300 but it is clear from a reading of the whole judgment in Mohamed Yasin's case that the. Privy Council has not differed from the views of the Supreme Court of India in *Virsa Singh*'s case. In this case we had no doubt at all that the act of the accused in stabbing the deceased in the chest was an act which fell squarely within the provisions of clause (c) of s 300 of the Penal Code. The fatal injury was an intended injury and was not.caused accidentally or otherwise uninterntionally. It was also sufficient in the ordinary course of nature of cause death.

Selanjutnya, mahkamah memutuskan di ms 161:

Even if the law is that for the application of clause (c) of s 300 of the Penal Code, the prosecution must prove that the accused intended to cause some bodily injury to the victim of a kind which is sufficient in the ordinary course of nature to cause death, there was sufficient evidence in this case to warrant that inference. *Having regard to the weapon used, the force used in stabbing the deceased, and the fact that the deceased was stabbed in a very vulnerable part of his body, we had no doubt at all that the accused had such an intention*. The accused had used a kitchen knife used for cutting vegitables and inflicted a fatal gaping stab wound below the left clavicle. He had used so much force that the wound was 8 cm deep and the blade of the. knife had cut through the third and fourth ribs and left parasternal edge, had penetrated the left lung near the anterior margin of the left upper lobe and then produced a 2 cm cut at the anterior surface of the heart (right ventricle below pulmonary valve). The accused's evidence was that. he was swinging the knife wildly from side to side in order to defend himself. Dr Seah who performed the autopsy on the deceased stated that the direction of the wound was downwards and inwards to the central protion

A of the chest and that the blow with the knife must have been a violent one to produce such, a stab wound. *He expressed the opinion that the deceased must have died within ten minutes. The medical evidence left us in no doubt at all that the accused, when he stabbed the deceased with the kitchen knife, intended to cause some bodily injury to the victim of a kind which is sufficient in the ordinary course of nature to cause death.* (Penekanan ditambah.)

B

[24] Dalam kes *Ismail bin UK Abdul Rahman v Public Prosecutor* [1974] 2 MLJ 180, mahkamah telah memutuskan bahawa:

C Lastly, it was submitted that the appellant had no intention to kill the deceased; that had he wanted to kill, he would have used some deadly weapon such as a knife; that the fact that only a piece of wood was used negatived the intention to kill and that the appellant should therefore have been convicted of causing grievous hurt or at the highest of culpable homicide not amounting to murder.

D The serious injuries suffered by the deceased, *all on the head*, as a result of several blows, resulting in three distinct fractures of the skull, which caused death within a matter of minutes was ample evidence of intention to kill. In our opinion this ground of appeal was entirely without merit. (Penekanan ditambah)

E **[25]** Berdasarkan alasan-alasan di atas, mahkamah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap tertuduh. Oleh itu, tertuduh telah diperintahkan untuk membela diri atas pertuduhan asal seperti yang dikemukakan terhadapnya.

F PEMBELAAN TERTUDUH

[26] Tertuduh telah memberi keterangan atas sumpah. Pembelaan tertuduh bolehlah diringkaskan seperti berikut:

G (a) pada 20 Jun 2007, si mati telah menelefon tertuduh beberapa kali untuk meminta tertuduh berjumpanya bagi menyelesaikan dua masalah berikut:

(i) pembayaran untuk kerja-kerja yang telah dilakukan oleh bosnya; dan

H

(ii) tertuduh dikatakan tidak menghormati bosnya, iaitu, Encik Wong.

(b) tertuduh telah meminta pertolongan seorang yang bernama Ah Fook. Ah Fook ialah kawan Encik Wong, seorang kontraktor. Ah Fook telah menghubungi Encik Wong yang telah menasihatkan tertuduh supaya berjumpa dan berbincang dengan si mati kerana perkara yang berbangkit adalah merupakan masalah kecil sahaja;

I

(c) pada tarikh yang sama, lebih kurang jam 12 tengahari, si mati telah menelefon tertuduh sekali lagi untuk menyelesaikan masalah tersebut. Tertuduh mengatakan beliau sibuk pada masa itu;

(d) Apabila si mati menelefon tertuduh sekali lagi pada lebih kurang jam 1 tengahari, tertuduh pada ketika itu berada di rumah Ah Chong. Seorang yang bernama Richard juga berada di rumah itu. Si mati menyuruh tertuduh berjumpa dengannya di Keat Yi Restaurant. Tertuduh tidak tahu di mana restoran tersebut terletak. Oleh itu, dia memberikan telefonnya kepada Richard untuk bercakap dengan si mati. Richard memberitahu tertuduh supaya pergi ke City Restaurant di Taman Sri Skudai untuk berjumpa dengan si mati;

(e) kemudiannya, tertuduh memandu lorinya ke City Restaurant. Beliau berjumpa dengan Richard dan Ah Chong di situ. Richard menunjukkan Keat Yi Restaurant kepada tertuduh dan meminta tertuduh pergi ke restoran itu seorang diri. Menurut tertuduh, peranan Richard ialah untuk berbincang dengan si mati, jika diperlukan, kerana Richard mempunyai kemahiran dalam perundingan;

(f) tertuduh berjalan menuju ke Keat Yi Restaurant dari City Restaurant. Sesampai di restoran itu, tertuduh duduk di sebuah meja. Tiba-tiba si mati telah bangun dan mula menumbuk dan menendang beliau. Si mati berbadan lebih besar dan tinggi daripada tertuduh dan tertuduh terjatuh. Tertuduh merasakan kepalanya ditetak;

(g) menurut tertuduh lagi, selepas SP1 dan SP3 meninggalkan tempat kejadian, dan ketika beliau masih terbaring di atas lantai simen dan berdarah, beliau melihat Richard datang ke arahnya. Kemudiannnya, tertuduh melihat Richard dan si mati berada di tengah jalan di hadapan Keat Yi Rastaurant di mana Richard sedang menyerang si mati dengan sebilah pisau. Ketika tertuduh melihat Richard sedang menyerang si mati, beliau mendengar orang ramai menyuruhnya melarikan diri. Tertuduh pun melarikan diri;

(h) kemudiannya, tertuduh menelefon Ah Chong dan memberitahu Ah Chong bahawa beliau akan menyerah diri kepada pihak polis. Ah Chong menasihatkannya supaya tidak berbuat demikian kerana Richard tentunya akan ditangkap oleh pihak polis;

(i) selepas dua atau empat hari, tertuduh memutuskan untuk menyerah diri dan akan memberitahu apa yang sebenarnya berlaku di tempat kejadian kepada pegawai penyiasat. Apabila tertuduh berjumpa dengan pegawai penyiasat (SP8), beliau telah memberitahu SP8 bahawa orang yang terlibat mengakibatkan kematian si mati ialah Richard. Tertuduh memberitahu SP8 bahawa beliau sebenarnya merupakan mangsa serangan oleh si mati. Beliau mengalami satu luka tikaman di kepala.

Luka tersebut ditunjukkan kepada SP8. Tertuduh mengadu kesakitan seperti yang dialaminya yang dinyatakan dalam laporan polisnya ('eksh P12');

(j) dalam pernyataan amarannya, tertuduh ada memberitahu polis tentang penama Ah Chong.

KEPUTUSAN DI AKHIR KES PEMBELAAN

[27] Langkah-langkah yang perlu diambil oleh mahkamah selepas kes pihak pembelaan telah dinyatakan oleh kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi Abu Bakar* seperti berikut di ms 467:

> (iv) after defence is called, the accused elects to give evidence, then go through steps set out in *Mat v Public Prosecutor* [1963] MLJ 263.

[28] Dalam kes *Mat v Public Prosecutor* [1963] 1 LNS 82; [1963] MLJ 263, mahkamah menyatakan di ms 264:

> (a) If you are satisfied beyond reasonable doubt as to the accused's guilt … Convict.
>
> (b) If you accept or believe the accused's explanation … Acquit.
>
> (c) If you do not accept or believe the accused's explanation … Do not convict but consider the next steps below.
>
> (d) If you do not accept or believe the accused's explanation and that emplanation does not raise in your mind a reasonable doubt as to his guilt … Convict.
>
> (e) If you do not accept or believe the accused's explanation but nevertheless it raises in your mind a reasonable doubt as to his guilt … Acquit.

[29] Datin Freda Sabapathy, peguambela bijaksana tertuduh berhujah bahawa pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan. Oleh itu, tertuduh berhak untuk dilepas dan dibebaskan.

[30] Selepas meneliti semula kes pembelaan bersama-sama dengan kes pendakwaan, mahkamah bersetuju dengan hujah yang dikemukakan oleh peguambela bijaksana tertuduh bahawa pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan dan berpendapat bahawa dalam keadaan yang wujud dalam kes ini, adalah tidak selamat untuk mensabitkan tertuduh dengan pertuduhan yang dihadapkan terhadapnya. Alasan-alasan bagi keputusan ini ialah seperti berikut:

(a) Terdapat dua versi bagaimana kejadian berlaku

i Versi pertama ialah seperti yang terdapat dalam keterangan SP1 dan SP3 yang menyatakan bahawa tertuduh telah menetak si mati dengan sebilah pisau. Versi kedua pula ialah seperti yang terdapat dalam keterangan tertuduh yang menyatakan bahawa beliau tidak membunuh si mati tetapi Richard adalah orang yang sebenarnya menyerang si mati dengan pisau. SP1 dan SP3 tidak sempat melihat perbuatan Richard tersebut kerana pada masa berkenaan mereka telahpun lari meninggalkan tempat kejadian dan menuju ke kereta mereka. Versi tertuduh adalah konsisten dengan pernyataan amarannya (D14) dan juga konsisten dengan keterangan SP1 dan SP3 yang menyatakan bahawa mereka telah lari meninggalkan tempat kejadian.

ii Pada pandangan mahkamah, versi SP1 dan SP3 yang menyatakan bahawa mereka telah lari meninggalkan tempat kejadian dan menuju ke kereta ketika mereka melihat si mati ditetak oleh tertuduh adalah tidak meyakinkan. Ini adalah kerana mereka adalah kawan si mati. Adalah tidak munasabah untuk mereka meninggalkan si mati bersendirian dan tidak memberi apa-apa pertolongan ketika si mati dikatakan ditetak oleh Tertuduh.

iii Dalam kes *Gan Poh Chye v Public Prosecutor* [1968] 1 MLJ 288, Winslow H menyatakan di ms 289:

A criminal case should not be approached on the basis of which version is more likely to be true or untrue but on whether the prosecution has satisfied the court on the case as a whole as to the appellant's guilt beyond reasonable doubt.

(b) Rajah kasar dan gambar-gambar tempat kejadian

i Rajah kasar dan gambar-gambar tempat kejadian menyokong versi yang dikemukakan oleh tertuduh. Mengikut tertuduh, Richard menyerang si mati di tengah jalan dan tidak seperti yang dinyatakan oleh SP1 dan SP3 iaitu tertuduh dikatakan menetak si mati berhampiran dengan meja di hadapan Restoran Keat Yi.

(c) Laporan perubatan

i SP7 menyatakan tidak terdapat kecederaan yang dialami oleh si mati di bahagian belakangnya. Mengikut keterangan SP1, beliau melihat tertuduh menetak si mati, antara lain, di bahagian belakang. Oleh itu, keterangan SP1 tentang bagaimana tertuduh dikatakan menetak si mati adalah bercanggah dengan keterangan bebas oleh pakar patologi iaitu SP7.

(d) Keterangan mengenai batang besi

i Mengikut SP1 dan SP3, tujuh atau lapan orang yang bersenjatakan batang besi telah datang ke tempat kejadian. SP7 dalam keterangannya menyatakan tidak ada apa-apa kecederaan yang dialami oleh si mati akibat dari pukulan atau serangan dengan batang besi. Inferen yang boleh dibuat ialah sama ada si mati telah membawa tujuh atau lapan orang

untuk menolong beliau atau SP1 dan SP3 tidak bercakap benar. Pada pandangan mahkamah, keterangan tertuduh yang menyatakan bahawa tidak terdapat tujuh atau lapan orang yang bersenjatakan batang besi di tempat kejadian adalah lebih hampir dengan kebenaran selepas menimbang keterangan ini bersama-sama dengan keterangan ahli patologi.

(e) Percanggahan laporan maklumat pertama (FIR) dengan keterangan SP3.

i SP3 telah membuat laporan polis pada 20 Jun 2007, jam 6.30 petang, melalui Skudai Report 7562/07 iaitu empat jam selepas kejadian. Oleh itu, skdh P7 bolehlah dikatakan sebagai 'contemporaneous document'. Mengikut SP3, selepas eksh P7 dibuat, ia telah dibacakan balik kepadanya dan pegawai yang menerima laporan ada bertanya kepadanya dan SP3 telah mengesahkannya sebagai betul dan menandatangani eksh P7. Perbezaan ketara antara eksh P7 dan keterangan lisan SP3 di mahkamah ialah bahawa dalam eksh P7 beliau menyatakan parang telah digunakan, sedangkan dalam keterangannya di mahkamah, beliau menyatakan pisau telah digunakan. Tertuduh juga menyatakan Richard menggunakan sebilah pisau. Keterangan SP7 menyokong keterangan tertuduh bahawa sebenarnya pisau adalah senjata yang digunakan untuk menetak si mati. Di samping itu, dalam eksh P7, SP3 menyatakan bahawa beliau pergi ke restoran itu bersama si mati dan Pang Siew Lin ('SP5'), sedangkan semasa memberi keterangan lisan, SP3 menyatakan bahawa SP1 (Chong Chee Meng) adalah orang yang pergi bersamanya ke restoran tersebut. Tidak ada penjelasan yang boleh diterima telah diberikan oleh SP3 berhubung dengan ketinggalan nama SP1 dalam eksh P7.

ii Pada pandangan Mahkamah, percanggahan tentang bentuk senjata yang dikatakan digunakan oleh Tertuduh untuk menetak si mati bukan merupakan satu percanggahan kecil tetapi adalah merupakan percanggahan penting ('major contradiction') yang memudaratkan kes pihak pendakwaan. Dalam kes *Lee Ah Seng & Anor v Public Prosecutor* [2007] 6 MLJ 1, Mahkamah Persekutuan menyatakan:

… The most important ground in this appeal is that it is not safe to convict the appellants on the evidence of Hassan Lee, whose evidence was the only evidence that implicated the appellants, because it is not safe to treat Hassan Lee as a truthful witness. The veracity of Hassan Lee is brought into question by reason of several discrepancies between his police report (exh P24), which was the first information report (FIR), and his evidence and by reason of certain unsatisfactory features in his evidence. Of the discrepancies, the most prominent and significant is the omission to mention in the FIR the involvement of appellants and the alleged pursuit of Sarip after he came out of his shack. The omission is not one of mere detail but of the important second half of the events that were related in evidence.

iii *Sir John Woodroffe and Syed Amir Ali's Law of Evidence*, Vol 4 (15th Ed, 1992) menyatakan di halaman 769:

... failure to assert a fact, when it would have been natural to assert it, amounts in effect to an assertion of the non-existence of the fact.

iv Dalam kes ini, adalah 'natural to assert' mengenai kehadiran SP1 dalam eksh P7 jika ia adalah benar, terutama jika diambilkira bahawa SP3 telah menyebut nama SP5 sebanyak empat kali. Nama SP1 telah ditinggalkan dan dengan demikian ada kemungkinan besar SP1 tidak ada di tempat kejadian. Seperti dijelaskan oleh kes *Dasu v State* (1985) Cri LJ 1933 di perenggan 14:

In order to see whether there is contradiction by omission it is necessary to find out whether the two statements cannot stand together. It is also necessary to see whether the statement which the witness has made in the witness box should have been made by him while reporting the matter. If the two statements made by the witness cannot stand together and the statement in the court is such that the witness would necessarily have made at the time of his earlier statement, then a one omission thereof can be considered to be a contradiction.

v Kehadiran SP1 di tempat kejadian, jika benar, seperti yang dinyatakan oleh SP3 dalam keterangannya, sudah tentu akan disebut dalam eksh P7. Ketinggalan ini menimbulkan kesangsian tentang kebenaran kehadiran SP1 di tempat kejadian dan menjejaskan kredibiliti SP3 sebagai seorang saksi yang 'credible'.

(f) Pemilihan tempat pertemuan

i Adalah tidak dapat dipertikaikan bahawa' tempat pertemuan antara tertuduh dan si mati telah dicadangkan oleh si mati sendiri. Si mati telah dikatakan telah pergi ke restoran tersebut bersama dengan SP1 clan SP3. Sementara tertuduh pula telah pergi ke restoran itu seorang diri. Jika ada apa-apa persediaan untuk bergaduh dengan menggunakan senjata seperti pisau atau parang, si mati lebih berpeluang untuk membuat persediaan berbanding dengan tertuduh.

(g) Siasatan pegawai penyiasat tidak memuaskan

i Keterangan menunjukkan bahawa Pegawai Penyiasat telah mengambil sampel darah dari tempat kejadian dan menghantarkannya ke jabatan kimia. Walau bagaimanapun, laporan kimia tidak dikemukakan di mahkamah. Darah si mati mungkin berpadanan dengan darah yang diambil dari tempat kejadian dan dengan demikian boleh menafikan versi SP1 dan SP3 dan menyokong versi tertuduh bahawa beliau ditetak oleh si mati di kepala. Terdapat keterangan bahawa tertuduh mengalami kecederaan, berdarah dan 'swab' yang diambil di tempat kejadian mungkin merupakan darah tertuduh.

ii Terdapat keterangan bahawa kawad cam telah diadakan. Walau bagaimanapun, laporan kawad cam tidak dikemukakan di mahkamah.

iii Laporan kimia dan laporan kawad cam perlu dikemukakan di Mahkamah kerana ia adalah merupakan 'best evidence'. Kegagalan

berbuat demikian akan menafikan Tertuduh suatu perbicaraan yang adil. Dalam kes *Dato' Haji bin Azman v Public Prosecutor* [2007] 4 MLJ 142, VT Singam H berkata:

the prosecution must be conducted on the principle of absolute fairness and should not keep back matters which would assist the appellant for the truth to prevail in the trial and eventually would assist the court to ascertain the truth and come to a just decision.

iv Pegawai penyiasat juga nampaknya telah gagal untuk mengambil langkah-langkah berpatutan bagi mengesan penama Ah Chong, Ah Fook dan Richard. Ah Chong ialah seorang saksi yang penting dan telah disebut oleh tertuduh di dalam pernyataan beramarannya. Pada pandangan mahkamah, adalah menjadi tugas pegawai penyiasat untuk mengesahkan kebenaran ('verify') versi tertuduh mengenai apa yang sebenarnya terjadi di tempat kejadian. Tertuduh telah menyerah diri dan memberikan segala maklumat bagi membantu siasatan polis. Persoalan yang berbangkit ialah mengapakan pegawai penyiasat tidak menyiarkan butir-butir mereka dalam surat-surat khabar dan memaklumkan bahawa kerjasama mereka diperlukan untuk membantu siasatan. Dalam kes *Mraz v The Queen* [1955] CLR 93, Fullagar H berkata di halaman 514:

Every accused person is entitled to a fair trial and rules of procedure and evidence are to be strictly followed. If there is any failure in any of these aspects, whereby the accused has lost a chance which was fairly opened to him of being acquitted, there is, in the eye of the law, a miscarriage of justice.

v Dalam kes *Krishna Murthy v Abdul Subban* [1965] 1 Cr LJ 565, Hedge H, semasa memperkatakan tentang 'failure of justice' menyatakan:

One of the contents of natural justice, which is so much valued, is the guarantee of a fair trial to an accused person. A fair trial is as. important as a just decision. Neither the one nor the other can be sacrificed. Sacrifice of the the one in the generality of cases, is bound to lead to the sacrifice of the other. The two are closely interlinked.

vi Dalam kes *Lee Kwan Woh v Public Prosecutor* [2009] 5 MLJ 301, persoalan mengenai kegagalan pegawai penyiasat untuk menyiasat secara sempurna adalah merupakan satu ketinggalan yang serius dan inferen yang berpihak kepada tertuduh bolehlah dibuat. Mahkamah Persekutuan menyatakan:

The appellant's case as put to the relevant prosecution witnesses was that he was not apprehended the moment he. emerged from the car. He was arrested in the compound of house No 52. PW3, the investigation officer confirmed under cross examination that the appellant had, during investigations, informed her of this fact. She however failed to investigate this allegation at all. This is a serious omission. In *Public Prosecutor v Lim Ah Bek* [1989] 2 CLJ 1090 there was a doubt whether the investigating officer in that case had investigated the defence of alibi mentioned by the accused in his cautioned statement. Based on this

possible omission, Gunn Chit Tuan J (as he then was) drew an inference in favour of the accused in that case. The present case is much stronger in that there was no investigation at all. An inference in the appellant's favour ought therefore to have been drawn by the learned judge at the close of the prosecution case. Had that been done, doubt would have been cast upon the evidence of PW4 and PW5. Unfortunately this point was missed by the learned trial judge, no doubt, because of his ruling. If he had heard the submission on no case by the appellant, he may perhaps have not acted upon the evidence of these two witnesses.

The second. evidential point is this. PW3 confirmed under cross examination that PW8 had informed her that earlier on the day of the appellant's arrest, at about 4am, drugs had been recovered from house No 52 and that eight persons had been arrested in connection with that raid. The public prosecutor relies on the testimony of PW8 who in his evidence denied that such a recovery or arrest had taken place. But this overlooks the real issue. At issue was PW8's credibility. He did not in his evidence deny that he had told PW3 about the 4 am raid and arrest. The fact remains that PW8 had made a previous statement to PW3 which was inconsistent with his evidence in court. This, at the very least, had the effect of rendering his evidence suspect. It most certainly required the trier of fact to approach that evidence with caution. As Ali J (later Ag LP) said in *Mohamed bin Kasdi v Public Prosecutor* [1969] 1 MLJ 135:

No hard and fast rule can be lain down for determining the credibility or otherwise of a witness, but when a witness given or makes two statements which differ in material particulars. there must necessarily be ground for believing that he is not a truthful witness.

The third evidential point relates to the issue whether the appellant was carrying exh P13. It was accepted by PW8 that if the appellant had been carrying exh P13 in the manner demonstrated to the court by the witness, the appellant's fingerprints would appear on that exhibit. It was, however, established under PW3's cross examination that exh P13 had been sent for fingerprinting and that the apppellant's fingerprints were not on the said exhibit. The independent evidence showed that the appellant could not have been carrying exh P13. It therefore seriously contradicted the evidence of PW4 and PW8 on a material pint. Unfortunately this part of the case does not appear to have been addressed by the learned trial judge.

vii Adalah menjadi undang-undang yang mantap bahawa pihak pendakwaan berkewajipan untuk mengemukakan keterangan bagi mematahkan pengataan yang relevan dan material yang ditimbulkan dalam pemeriksaan balas terhadap saksi-saksi pendakwaan. Sekiranya pendakwaan gagal untuk berbuat demikian, pihak pendakwaan mengambil risiko kesnya dibuang atas kekurangan bukti. (lihat kes-kes *Public Prosecutor v Iskandar bin Mohamad Yusof* [2006] 5 MLJ 559; [2006] 6 CLJ 379, *Chow Kok Keong v Public Prosecutor* [1998] 2 MLJ 337; *Yee Wen Chin v Public Prosecutor* [2008] 6 MLJ 222; [2008] 6 CLJ 773). Kewujudan Ah Fook dan Richard telahpun dikemukakan kepada saksi pendakwan, iaitu pegawai penyiasat. Malangnya, tiada usaha yang bersungguh-sungguh dibuat untuk mengesan mereka.

A KESIMPULAN

[31] Kesan terkumpul dari segi undang-undang mengenai perkara-perkara yang dibincangkan di atas tidak membolehkan mahkamah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya terhadap tertuduh tanpa keraguan yang munasabah. Berdasarkan keterangan yang ada, adalah tidak selamat bagi mahkamah untuk mendapati tertuduh bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan yang membawa hukuman mati mandatori di bawah s 302 Kanun Keseksaan.

[32] Dalam kes *Woolmington v Deputy Public Prosecutor* [1935] AC 462, Lord Sankey berkata:

> Throughout the web of English criminal law, one golden thread is always to be seen, that it is the duty of the prosecution to prove the person's guilt. If at the end of the whole of the case, there is reasonable doubt, created by the evidence given either by the prosecution or the prisoner as to whether the offence was committed by him, the prosecution has not made out the case and the prisoner is entitled to an acquittal.

[33] Natijahnya, tertuduh diperintahkan dilepas dan dibebaskan.

Permohonan tertuduh dibenarkan.

Dilaporkan oleh Mashrifah Ravendran